

24 MAY 2001

MTUC-Anuiti

KEPUTUSAN PELAKSANAAN SKIM ANUITI DIJANGKA DIKETAHUI JUN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Keputusan berhubung pelaksanaan Skim Anuiti yang menjadi isu berikutan bantahan beberapa pihak, dijangka akan dapat diketahui bulan depan setelah Lembaga Pengarah Kesatuan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengadakan mesyuaratnya.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak berkata, mesyuarat itu dijangka akan membuat keputusan berhubung pelaksanaan skim itu setelah menerima laporan daripada juru perundingnya, Qu Won Fah iaitu pengarah urusan syarikat AON Consultant (M) Sdn Bhd.

Katanya Qu akan mengemukakan laporan mengenai bantahan dan cadangan MTUC kepada KWSP berhubung isu itu.

"Kita berharap ia akan dapat diselesaikan demi faedah pencarum KWSP," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan hampir dua jam dengan Qu yang turut disertai Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N. Siva Subramanian.

Zainal yang kelihatan gembira dengan pertemuan itu, bagaimanapun enggan menjelaskan secara terperinci berhubung cadangan MTUC dan Cuepacs kepada juru perunding berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengumumkan penangguhan pelaksanaan skim itu sehingga kajian juru perunding siap dibuat dan keputusan itu menyebabkan MTUC menangguhkan rancangannya untuk mengadakan piket bagi membantah pelbagai isu berhubung KWSP.

MTUC mahu KWSP mengkaji semula skim berkenaan yang didakwa hanya menguntungkan syarikat insurans dan kesatuan itu juga tidak berpuashati dengan faedah-faedah yang ditawarkan KWSP kepada pencarum.

Sebelum ini, skim itu diuruskan oleh Malaysia Assurance Alliance Bhd, John Hancock Life Insurance Malaysia Bhd, Mayban Life Assurance Bhd, MCIS Insurance Bhd dan Hong Leong Assurance Bhd.

Zainal dan Siva juga menjelaskan pendirian kedua-dua kesatuan itu selama ini yang tidak membantah pelaksanaan Skim Anuiti jika ia memberi manfaat kepada pembeli.

"Kami tidak sama sekali menolak Skim Anuiti tetapi kami mahu ianya dilaksanakan sendiri oleh KWSP, bukan diswastakan atau dilaksana syarikat insurans," kata Zainal.

Katanya pencarum KWSP akan mendapat faedah yang lebih banyak dengan kadar premium yang rendah sekiranya skim itu diuruskan sendiri oleh KWSP.

Beliau turut menolak pandangan bahawa KWSP tidak mempunyai kepakaran dan kecekapan untuk menguruskan skim berkenaan sehingga menyebabkan ia terpaksa diuruskan oleh syarikat insurans.

"Macam mana tiada kecekapan kerana hari ini syarikat insurans memperolehi RM4 bilion menerusi 200,000 anggota (KWSP) yang membeli Skim Anuiti dalam tempoh yang singkat," katanya.

Mengenai dakwaan pihak tertentu bahawa MTUC dengan bilangan keanggotaan hanya 500,000 orang tetapi berani membuat tuntutan sehingga skim berkenaan ditangguhkan, Zainal berkata MTUC bertanggungjawab memberi penerangan sewajarnya kepada semua pihak.

-- BERNAMA

RZS MAM RI